

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rancangan yang akan diadakan oleh Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dalam peruncitan selepas negara ini telah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini telah melaksanakan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) bertujuan mentransformasikan kedai-kedai runcit traditional kepada bentuk perniagaan runcit yang moden. Pengusaha-pengusaha kecil peruncitan ini ditawarkan bantuan kewangan berbentuk pinjaman bagi mendapatkan mesin dan peralatan tambahan yang diperlukan untuk memodenkan perniagaan mereka seperti mesin *Point of Sales (POS)* yang dilengkapi dengan kaedah pengiraan GST yang bertujuan membantu pengusaha TUKAR dalam melaksanakan GST secara lebih sistematik.

Pengusaha-pengusaha kecil yang menyertai program ini juga diberi peluang mengikuti latihan secara percuma bagi meningkatkan kemahiran mereka di dalam pengurusan kedai runcit. Di dalam program latihan tersebut juga ada disediakan slot penerangan khusus mengenai GST bagi memberikan kefahaman kepada peserta-peserta TUKAR tentang pelaksanaan GST.

Selain itu, Kementerian terlibat dalam pengeluaran lesen runcit bagi barang-barang kawalan seperti gula, tepung gandum dan minyak masak. Kementerian sentiasa memberi panduan dan bantuan kepada peruncit semasa proses permohonan lesen tersebut. Dengan pemberian lesen ini, diharap peniaga runcit dapat menjalankan perniagaan dengan keuntungan yang boleh meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara.

Di samping itu, aspek penerapan pemahaman dan kesedaran turut diteruskan melalui Kod Etika Perniagaan (EPM) yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan pada 25 Mac 2015 yang lalu. Langkah ini merupakan strategi serampang dua mata bagi memastikan pelaksanaan GST diterima pakai dan dipatuhi oleh semua industri secara telus dan adil.

Secara umumnya, selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap perkembangan sektor perdagangan pengedaran khususnya bidang pemborongan dan peruncitan dan pada masa yang sama memastikan kebajikan pengguna terpelihara, KPDNKK akan melaksanakan program-program yang bersesuaian mengikut keadaan semasa termasuklah pelaksanaan GST ini agar pelaksanaannya lebih lancar dan tidak membebankan mana-mana pihak.